

14 DEC 2000

Mahathir-GPMS

TUNTUTAN GPMS AKAN DIKAJI, KATA PM

ALOR SETAR, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan mengkaji sama ada perlu melayani 100 tuntutan yang akan dikemukakan oleh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

"Saya perlu lihat dulu sama ada tuntutan itu berasas atau pun tidak," katanya kepada pemberita sejurus selepas tiba untuk lawatan singkat ke Kedah di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik kenyataan Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim, sebagai berkata bahawa tuntutan kepada kerajaan itu dibuat demi kepentingan orang Melayu sebagai tindak balas kepada 83 tuntutan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu).

Suhaimi berkata tuntutan itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir dalam waktu terdekat ini selepas diluluskan dalam perhimpunan anggota-anggota persatuan itu di ibu negara hari ini.

"Saya belum baca lagi tuntutan itu. Payah nak komen," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata memang sudah diduga akan ada pihak lain membuat tuntutan bila ada sesuatu pihak mengemukakan tuntutan mereka.

"Ini yang kita nak elak. Jangan buat macam tu sebab kita dah pupuk persefahaman antara kaum sejak 43 tahun lalu. Kita tidak mahu berlaku ketegangan kaum seperti mana negara lain yang penduduknya berbilang bangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata bukan mudah hendak memelihara perhubungan baik antara kaum dalam negara berbilang bangsa seperti Malaysia.

"Tapi, sikap sederhana kerajaan yang dianggotai oleh semua kaum dapat menjalin hubungan baik dan sihat antara kaum di negara ini," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata tindakan pembangkang yang cuba mewujudkan pergerakan ala intifada Palestin di Malaysia akan memburukkan lagi keadaan.

"Saya percaya tidak lama lagi pembangkang akan mula baling batu seperti di Palestin. Akhbar asing pula akan laporkan negara kita tak stabil sebab rakyat memberontak. Pelancong dan pelabur tak datang dan perniagaan merosot," katanya.

Dr Mahathir berkata pembangkang cuba mengaitkan kezaliman Yahudi ke atas rakyat Palestin dengan membayangkan kerajaan Malaysia juga zalim seperti itu.

"Pembangkang ni kalau boleh mahu lihat negara rosak dari segi ekonomi dan politik bagi memancing sokongan," katanya.

-- BERNAMA

MAN NAK